



PARLIMEN MALAYSIA

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

PARLIMEN MALAYSIA
2020-2024

ISI

KANDUNGAN





BAB 1 : PENGENALAN

Latar Belakang	11
Isu dan Cabaran	13
Penilaian Risiko	14

BAB 2 : SENARIO MASA HADAPAN

Menghubungkan Hari Ini Dengan Masa Hadapan	17
Senario Antirasuah Tahun 2030	18
Matrik Senario : Antirasuah Tahun 2030	19
Gambaran Umum Matlamat dan Kebimbangan Bersama	21
Peluang Yang Ada	24
Risiko Yang Terungkai	25
Pekara Yang Perlu Diberi Perhatian	27

BAB 3 : MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH PARLIMEN

Keperluan Kepada Kerangka Organisasi	30
Kerangka Pelan Antirasuah Parlimen Malaysia	32
Keutamaan Strategi : Penekanan 15 Inisiatif	35
Bidang Keutamaan : Tadbir Urus Politik	37
Pentadbiran Sektor Awam	40
Perolehan Awam	43

BAB 4 : TADBIR URUS

Mekanisme Pelaksanaan	46
Kerangka Pelaksanaan OACP (Pelan Antirasuah Organisasi)	47
Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian	48

BAB 5 : KESIMPULAN

Kesimpulan	51
Penghargaan	52
Jawatankuasa Pembangunan OACP Parlimen Malaysia	53



AMANAT KEPIMPINAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Yang Berhormat
Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim



Bismillahir rahmaanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Parlimen Malaysia baharu sahaja menjangkau usia 60 tahun. Dalam jangka usia itu badan tertinggi perundangan ini telah membawa banyak perubahan yang positif. Pelbagai usaha telah dikenal pasti untuk memperkasakan lagi usaha transformasi yang akan memberikan kesan besar kepada Parlimen dan warga tadbirnya.

Malaysia berada di tangga ke-61 daripada 180 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) tahunan 2018, berbanding kedudukan yang ke-62 pada 2017. Parlimen melalui Pelan Organisasi Antirasuah (OACP) Parlimen Malaysia 2020-2024 adalah salah satu usaha untuk memastikan Parlimen Malaysia meningkatkan integriti dan membanteras rasuah dengan lebih berani.

Parlimen Malaysia amat serius dalam usaha anti-rasuah ini. Justeru berusaha merangka Pelan OACP. Pelan ini mengambil kira pelbagai sudut cabaran untuk merangka strategi serta mengatur pelan-pelan tindakan termasuk mengenal pasti peraturan-peraturan, prosedur dan proses kerja sedia ada. Tindakan pemantauan yang cekap adalah perlu supaya sikap tidak patuh tidak berterusan. Tanpa kepatuhan ini boleh membuka ruang penyelewengan rasuah secara berterusan.

Selaras suasana global ekonomi dunia yang tidak menentu, pelbagai cabaran hidup pasti akan menduga kekuatan integriti warga Parlimen. Oleh yang demikian, warga Parlimen juga haruslah melakukan transformasi daya kerja yang produktif serta mewujudkan suasana anti-rasuah yang padu agar tersemat pada jati diri.

Saya amat berbangga dengan kesungguhan dan kerjasama yang terjalin di antara kakitangan Parlimen di pelbagai bahagian. Amat jelas dari pihak pengurusan hingga ke akar umbi, azam dan tindakan untuk memastikan Pelan Organisasi Antirasuah Parlimen dapat dilaksanakan.

Selaras dengan Agenda Reformasi Dewan Negara, Pelan OACP Parlimen Malaysia dapat menaikkan lagi taraf imej Parlimen Malaysia sebagai institusi yang disegani, profesional dan berintegriti. Pelan ini jika dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh akan menampilkan imej Parlimen Malaysia yang tersohor dan terbilang.

Akhir kalam, saya ingin mengambil peluang ini merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan Pelan OACP Parlimen Malaysia. Moga usaha murni mereka ini mendapat keberkatan.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim
Yang di-Pertua Dewan Negara



AMANAT KEPIMPINAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tan Sri Azhar Azizan Harun



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)* khusus untuk Parlimen Malaysia.

OACP Parlimen Malaysia ini adalah susulan kepada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019 bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) untuk mencapai aspirasi supaya Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.

Kita harus akur bahawa rasuah perlu diperangi secara konsisten dan berkesan kerana ianya umpama barah yang boleh menghancurkan sesebuah masyarakat, organisasi dan juga negara. Amalan rasuah adalah umpama api dalam sekam yang mampu membakar segala apa yang kita usahakan jika tidak ditangani dengan baik.

Justeru, Parlimen Malaysia sebagai institusi legislatif tertinggi negara bukan sahaja perlu mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam tadbir urusnya tetapi perlu memastikan bahawa unsur-unsur rasuah tidak langsung boleh bertapak dalam pentadbirannya.

Pembangunan dan pelaksanaan OACP Parlimen Malaysia ini sahaja tentunya bukanlah suatu penyelesaian kepada usaha-usaha kita dalam memerangi rasuah. Apa yang lebih diharapkan ialah keupayaan kita untuk membina jati diri dan integriti setiap individu dalam menolak setiap bentuk suapan atau dorongan untuk menerima suapan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Jati diri dan akhlak yang baik, jujur dan beramanah merupakan sesuatu yang bernilai dan berharga untuk setiap individu. Setinggi mana pun jawatan dan bidang kuasa seseorang dalam sesebuah organisasi, sekiranya individu tersebut tidak berupaya untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan amanah dan berintegriti, makanya individu tersebut akan menjadi beban kepada organisasi tersebut.

Oleh yang demikian, saya menyeru dan berharap kepada semua warga Parlimen di setiap peringkat dan jawatan, agar kita dapat memperkukuh jati diri kita dan mengamalkan nilai-nilai murni seperti sifat amanah, jujur dan dedikasi dalam setiap tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan agar kita dapat bersama-sama menjadikan Parlimen Malaysia sebagai institusi yang disegani, unggul, profesional dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Tan Sri Azhar Azizan Harun
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

AMANAT KEPIMPINAN

KETUA PENTADBIR
PARLIMEN MALAYSIA

► YBrs. Puan Nor Yahati Awang





Bismillahir rahmaanirrahim.

Assalamualaikum wrt. wbt., Salam Sejahtera dan Salam Integriti.

Bersyukur ke hadrat Illahi atas keizinanNya dan kerjasama mantap daripada kumpulan kerja yang berdedikasi dan bersemangat tinggi iaitu barisan pengurusan Parlimen Malaysia dapat menghasilkan **Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Parlimen Malaysia**. Pelan ini bertujuan sebagai satu rujukan khusus dan strategi utama Parlimen Malaysia dalam memerangi rasuah sekaligus membentuk nilai-nilai murni dan berintegriti warga Parlimen Malaysia. Ini sekaligus menyahut seruan Kerajaan yang jelas dan tegas dalam menangani sebarang risiko dan peluang rasuah sekaligus membina warga Perkhidmatan Awam yang berintegriti tinggi sepertimana yang digariskan dalam transformasi Pelan Integriti Nasional (PIN) kepada **Pelan Antirasuah Nasional (NACP)**.

Pembentukan pelan ini turut memastikan penglibatan semua **bahagian, seksyen dan unit** di Parlimen Malaysia. Sesi sumbangsaran yang mampan mengambil kira semua aspek yang berupaya membuka peluang kepada rasuah tidak kira bentuk mahupun kaedah. Kesemua punca ini akan diletakkan pemberat bagi memastikan aspek keutamaan didahulukan dan sekaligus memastikan strategi yang diguna pakai mencapai tahap seoptimum mungkin di antaranya pengenalpastian potensi risiko amalan rasuah, kelemahan tadbir urus dan integriti dalaman organisasi yang perlu ditangani.

Memperkuhkan pelan ini maka **lima (5) bab utama** telah digariskan mengikut tujuan dan objektif yang jelas. Dimulakan dengan penjelasan aspek utama melalui pemahaman persekitaran dan perhubungan Perkhidmatan Awam dalam mendepani risiko rasuah serta pengamalan integriti menjadi pengisian kepada Bab 1 pelan ini. Manakala pada Bab 2 akan menggariskan beberapa sasaran sekaligus membentuk kerangka yang jelas untuk dicapai.

Kerangka utama pelan ini adalah melalui dua (2) bab utama iaitu Bab 3 yang akan menggariskan usaha-usaha pencegahan rasuah Parlimen yang bersesuaian dengan warga Parlimen Malaysia dan Bab 4 akan membincangkan dari aspek tadbir urus yang mengkhusus kepada mekanisme yang benar-benar realistik dan tepat pada risiko yang wujud.

Pengharapan utama kami sebagai penjawat awam khususnya warga Parlimen Malaysia agar pelan ini dapat memberi impak besar kepada pengukuhan integriti warga Parlimen Malaysia khususnya dalam pembasmian rasuah secara keseluruhan sekaligus memperkuhkan reputasi dan kepercayaan rakyat kepada perkhidmatan awam di Malaysia khususnya Parlimen Malaysia.

Sekian.

YBrs. Puan Nor Yahati Awang
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

PERNYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Parlimen Malaysia 2020 - 2024 merupakan dasar antirasuah yang menggambarkan kesungguhan dan komitmen Parlimen Malaysia menangani risiko gejala rasuah dalam perkhidmatan pentadbiran Kerajaan. Pelan tindakan ini dibangunkan selaras dengan inisiatif yang digariskan di bawah bidang keutamaan terhadap pentadbiran sektor awam dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Strategi 2 untuk memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam telah mensasarkan objektif untuk menerapkan unsur-unsur yang berteraskan tadbir urus yang baik dalam perkhidmatan awam. Kerangka dasar dan strategi Pelan ini terhasil daripada siri perbincangan dan bengkel pembangunan yang dijalankan bersama pegawai-pegawai dari semua bahagian dalam Parlimen Malaysia termasuk penglibatan Pejabat Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Penglibatan ini merupakan komitmen warga Parlimen Malaysia bagi memastikan pelan ini dapat direalisasikan sepenuhnya.

Pelan tindakan antirasuah ini telah mengenal pasti potensi risiko amalan rasuah, kelemahan tadbir urus dan integriti dalaman organisasi yang perlu ditangani. OACP akan memandu pelaksanaan pencegahan rasuah melalui pengukuhan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban dalam semua sistem dan prosedur di Parlimen Malaysia. Selain NACP yang merupakan rujukan utama dalam pembangunan Pelan ini, beberapa amalan sedia ada dan cadangan yang telah dilaksanakan dan diperakui keberkesanannya turut diambil kira.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan ini, kami ingin mengetengahkan satu kerangka Pelan yang bersifat praktikal melalui pemilikan inisiatif oleh setiap pemegang taruh berdasarkan strategi dan objektif strategik yang telah dikenal pasti. Sehubungan itu, kami komited dan bertekad untuk memastikan segala inisiatif yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan komitmen penuh daripada semua pihak dan warga Parlimen Malaysia.

Harapan kami agar pelan ini dapat menyokong hasrat Kerajaan ke arah negara bebas rasuah menjelang tahun 2023 dan khususnya ke arah menjadikan Parlimen Malaysia sebagai sebuah institusi yang berwibawa dan dihormati.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Parlimen Malaysia 2020 - 2024 ini adalah susulan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) oleh YAB Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 Bilangan 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. Justeru OACP sebagai dokumen utama Parlimen yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah telah dihasilkan.

Visi OACP adalah menjadikan Parlimen Bebas Rasuah melalui penetapan matlamat khusus iaitu meningkatkan akauntabiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus sebagai institusi perundangan yang bebas, berwibawa dan bertaraf dunia.

BAB 1 PENGENALAN

Merangkumi latar belakang Parlimen Malaysia dan beberapa usaha yang telah diambil melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang memberi fokus kepada usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah di Parlimen. Bab ini juga memperincikan beberapa isu dan cabaran, penilaian risiko serta bidang-bidang berisiko secara menyeluruh di Parlimen.

BAB 2 SENARIO MASA HADAPAN

Memberi tumpuan kepada senario rasuah yang mungkin berlaku pada masa akan datang. Sesi perancangan senario telah dilaksanakan melibatkan pemegang taruh dan pakar dalam mengenal pasti isu serta mengemukakan cadangan penyelesaian yang praktikal. Secara umumnya, tiga bidang keutamaan disertai tiga strategi utama telah dikenal pasti sebagai teras membanteras rasuah di Parlimen.

BAB 3 MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH PARLIMEN

Tiga bidang keutamaan tersebut ialah Tadbir Urus Politik, Pentadbiran Sektor Awam dan Perolehan Awam. Daripada tiga bidang keutamaan ini, tiga strategi telah dikenal pasti iaitu Memperkukuh Akauntabiliti dan Integriti Politik, Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam dan Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam. Strategi ini seterusnya membawa kepada empat (4) objektif yang memayungi 33 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

BAB 4 TADBIR URUS

Memfokuskan kepada aspek pemantauan dan penilaian. Fungsi penting pemantauan dan penilaian bukan sahaja untuk memantau kemajuan yang dibuat oleh semua pemegang taruh yang berkaitan tetapi juga memastikan bahawa langkah-langkah yang dilaksanakan adalah bersesuaian dengan objektif yang dirangka. Selain itu, ianya berupaya untuk mengenal pasti jurang dalam pelaksanaan inisiatif atau program supaya setiap apa yang dirancang dapat diselaraskan dengan sewajarnya untuk mencapai hasil yang diinginkan.

BAB 5 KESIMPULAN



BAB 1

PENGENALAN

LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2018 mengambil keputusan untuk merangka dan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada bulan April 2004. PIN merupakan sebahagian dari Program Transformasi Kerajaan (GTP) melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Banteras Rasuah dengan objektif untuk menghapuskan rasuah sepenuhnya dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta membanteras ketidakcekapan dalam sistem Kerajaan.

Mendukung hasrat Kerajaan untuk menghapuskan rasuah sepenuhnya dan sejajar dengan Program Reformasi Parlimen, Parlimen Malaysia membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) untuk memastikan hasrat murni Kerajaan ini dilaksanakan dengan sebaiknya supaya kecekapan dalam sistem penyampaian di peringkat agensi dan organisasi dipertingkatkan dan terpelihara dari unsur-unsur rasuah. Parlimen Malaysia adalah institusi legislatif tertinggi negara yang menegak dan melaksanakan prinsip demokrasi berparlimen. Justeru, sebagai salah satu institusi penting negara, usaha untuk memelihara tadbir urus Parlimen dari unsur-unsur rasuah menjadi satu matlamat yang penting.

Sebagai institusi legislatif tertinggi negara, Parlimen Malaysia berurusan dengan pelbagai pihak. Selain dari pemimpin-pemimpin Kerajaan dan ahli-ahli parlimen dari pihak Kerajaan dan pembangkang, Parlimen Malaysia juga berurusan dengan parti-parti politik, kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan, organisasi media, organisasi-organisasi bukan Kerajaan (NGOs), syarikat-syarikat swasta dan banyak lagi. Oleh yang demikian, satu pelan yang tersusun dan berkesan perlu diwujudkan untuk menangani senario yang boleh menjurus kepada unsur-unsur rasuah.

Sebagaimana NACP, OACP Parlimen mengambil kira bidang-bidang berisiko dan meneliti kerangka pelan dengan memberi penekanan kepada objektif-objektif strategik untuk menghapuskan unsur-unsur rasuah dalam bidang-bidang berisiko. Bidang-bidang berisiko yang dikenal pasti adalah tadbir urus politik, tadbir urus korporat, perolehan awam dan pentadbiran sektor awam. Mekanisme semak dan imbang diwujudkan supaya tadbir urus kesemua bidang berisiko adalah lebih telus dan memberi kesan dalam menangani risiko rasuah secara lestari.

Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan dan kemajuan teknologi yang berterusan bermakna bahawa bidang-bidang berisiko yang telah dikenal pasti akan sentiasa terdedah kepada perlakuan-perlakuan rasuah dengan kaedah-kaedah baharu di masa hadapan. Oleh yang demikian, OACP ini dirangka dengan strategi yang menyeluruh yang mengambil kira pelbagai senario agar ia menjadi panduan dinamik yang mengambil kira persekitaran semasa. Penting untuk setiap individu dan organisasi sama ada sektor awam atau swasta untuk terus bersama-sama memerangi rasuah sekiranya kita berhasrat untuk menjadi negara yang maju, makmur dan berdaya saing. OACP menetapkan sasaran yang praktikal dengan mengambil kira pelbagai aspek untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai institusi yang berintegriti tinggi, telus dan profesional.



ISU DAN CABARAN

CAMPUR TANGAN AHLI POLITIK DALAM PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1

Kebanyakan ahli politik dilihat mencampuri dalam urusan pentadbiran mahupun kewangan di mana keuntungan peribadi dapat dicapai walaupun ianya melanggar undang-undang dan peraturan. Campur tangan ini biasanya berlaku dalam proses membuat keputusan terutamanya yang melibatkan perolehan, pelantikan, penempatan pegawai dan urusan pentadbiran.

KURANG SOKONGAN DAN KOMITMEN

2

Kurangnya sokongan, komitmen serta kemahuan di kalangan kepimpinan untuk melaksanakan kawalan antirasuah telah memberi kesan kepada keberkesanan inisiatif antirasuah yang sedia ada. Tanpa sokongan dan kepimpinan adalah sukar untuk memastikan inisiatif yang dibangunkan mencapai objektifnya.

HUKUMAN YANG RINGAN KEPADA PESALAH RASUAH

3

Hukuman yang dikenakan kepada pegawai yang didapati bersalah adalah kurang tegas dan tidak konsisten berdasarkan faktor kekurangan pembuktian dan pengaruh pihak berkepentingan. Akibatnya, persepsi pegawai terhadap tindakan atau hukuman yang dikenakan tidak memberi kesan dalam membendung kesalahan tatakelakuan dan rasuah.

KURANGNYA PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

4

Pemantauan dan penguatkuasaan adalah penting untuk memastikan semua proses dan prosedur dipatuhi seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun, pelaksanaan aktiviti ini tidak seperti yang diharapkan di mana sering berlaku kekurangan keupayaan untuk memeriksa, mengaudit dan mengkaji semula operasi. Kekurangan sumber tenaga kerja, kemahiran, teknologi, kaedah dan sumber kewangan menjadi faktor kurang keberkesanan usaha pemantauan dan penguatkuasaan.

FAKTOR SUMBER MANUSIA DAN KEWANGAN YANG TERHAD

5

Sumber-sumber ini adalah penting untuk memastikan kejayaan pelan yang dirancang terutamanya bagi menyokong dari aspek teknologi dan pentadbiran. Tanpa sumber manusia dan kewangan yang mencukupi, pelaksanaan sesebuah inisiatif itu adalah sukar untuk direalisasikan.

PENILAIAN RISIKO

Data-data berkaitan risiko rasuah di Parlimen Malaysia telah dikenal pasti di dalam Bengkel Penyediaan Pelan OACP Parlimen Malaysia pada 27 hingga 29 Ogos 2019. Risiko-risiko ini dikenal pasti setelah mengambil kira senario semasa melalui data-data dari Laporan Audit dan Naziran, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Audit Negara serta data-data aduan dari pelanggan luar dan dalam Parlimen. Justeru, bagi menangani risiko-risiko ini, inisiatif yang bersesuaian telah dirangka dan akan diperincikan di dalam Bab 3.

BIDANG-BIDANG BERISIKO

1 TADBIR URUS POLITIK

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dalam kertas polisi tahun 1997, mentakrifkan tadbir urus sebagai pelaksanaan kuasa ekonomi, politik dan pentadbiran untuk mengurus hal ehwal negara di semua peringkat. Ia terdiri daripada mekanisme, proses dan institusi yang mana melaluinya rakyat serta kumpulan masyarakat menyuarakan kepentingan mereka, menjalankan hak undang-undang mereka, memenuhi kewajipan mereka dan memurnikan perbezaan negara. Hal ini boleh disimpulkan sebagai seni memerintah negara oleh ahli politik. Struktur tadbir urus politik yang baik bergantung kepada institusi negara yang telus dan berkesan.

2 PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Sektor awam mencakupi pengurusan hal ehwal pentadbiran di bawah kawalan Kerajaan. Penyampaian perkhidmatan awam dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej negara. Asas bagi sektor pentadbiran awam terletak pada fungsi teras Kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat pada umumnya menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan, hasil dasar dan nilai cukai. Adalah perlu untuk mengambil pendekatan yang lebih luas dan sistematik serta membangunkan dasar yang sesuai dalam menguruskan kecekapan sektor awam demi meningkatkan kebertanggungjawabannya.

3 PEROLEHAN AWAM

Mengikut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) perolehan awam merujuk kepada pembelian barangan, perkhidmatan dan kerja oleh Kerajaan dan perusahaan milik awam. Oleh kerana perolehan awam melibatkan sejumlah besar wang pembayar cukai, Kerajaan perlu melaksanakannya dengan cekap agar kepentingan awam dilindungi. Perolehan merupakan salah satu bidang dalam Kerajaan yang paling terdedah kepada rasuah dan pelbagai kegiatan haram.





BAB 2

SENARIO MASA HADAPAN

SENARIO MASA HADAPAN

MENGHUBUNGAN HARI INI DENGAN MASA HADAPAN

Parlimen Malaysia perlu sedar terhadap setiap perubahan-perubahan yang bakal mempengaruhi pelaksanaan OACP pada masa hadapan. Perubahan semasa memberi impak kepada organisasi dalam menilai semula pendekatan dan dasar agar setiap inisiatif yang dirancang kekal relevan dan kompetitif pada masa hadapan.

Pentadbiran yang cekap boleh mengenal pasti cabaran-cabaran yang bakal terjadi kesan daripada berlakunya perubahan semasa dan impaknya pada masa hadapan. Justeru, dalam membayangkan beberapa senario antirasuah Parlimen 2030, beberapa trend global yang berlaku akan memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada perancangan dan pelaksanaan OACP Parlimen.

Inovasi Revolusi Perindustrian Ke-4 (IR 4.0) seperti Data Raya (*Big Data*), *Artificial Intelligence (AI)*, Pendigitalan maklumat, sebagai asas pembangunan inovasi dunia pada tahun 2030 dijangka turut memberi kesan kepada urusan pentadbiran Parlimen termasuk urus tadbir dan usaha membanteras rasuah.



MATRIK SENARIO ANTIRASUAH TAHUN 2030 – PARLIMEN MALAYSIA

TADBIR URUS POLITIK



S1 SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)

Kepercayaan rakyat terhadap tadbir urus Kerajaan dan sistem demokrasi berparlimen meningkat. Pencegahan penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah mampu meningkatkan integriti dan kredibiliti Parlimen. Walau bagaimanapun, perubahan kepimpinan di peringkat negara dan Parlimen mempengaruhi pelaksanaan OACP dan dikhuatiri tidak berupaya untuk bertahan.

S2 SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)

Kesukaran mendapat persetujuan dan kerjasama daripada Ahli-Ahli Parlimen sendiri di samping sokongan daripada pihak pengurusan tertinggi dan warga Parlimen menjadi penghalang kepada pelaksanaan OACP. Iltizam politik serta sumber manusia, kewangan dan masa yang mencukupi mampu membantu pelaksanaan dasar-dasar baharu.

S3 SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)

Parlimen menjadi institusi yang berwibawa dan dihormati dengan Ahli-Ahli Parlimen yang beretika, berintegriti dan berakauntabiliti. Konsep pengasingan kuasa dikembalikan, imej Parlimen sebagai badan perundangan bebas diperkukuhkan dan seterusnya persepsi negatif terhadap perkhidmatan awam dapat dipulihkan.

S4 SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)

Budaya organisasi yang tidak efektif menggagalkan pelaksanaan OACP khususnya ketiadaan komitmen daripada pihak pengurusan atasan. Keputusan Yang di-Pertua mudah dipengaruhi bahkan ditentang oleh pihak Eksekutif. Kelemahan pemantauan sehingga OACP diabaikan menyebabkan amalan rasuah berleluasa dan sukar dibendung.

MATRIK SENARIO ANTIRASUAH TAHUN 2030 – PARLIMEN MALAYSIA

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM



S1 SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)

Pelaksanaan OACP telah menunjukkan keberhasilan walaupun tidak mampu mencegah sepenuhnya isu penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah. Keberhasilan OACP boleh dicapai melalui sistem urus tadbir yang baik, penggunaan teknologi yang efisien, tiada campur tangan politik dalam proses membuat keputusan. Budaya benci terhadap rasuah diamalkan oleh semua kakitangan.

S2 SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)

Tadbir urus yang efisien akan terganggu oleh perkara-perkara seperti kekangan kewangan, kekurangan sumber manusia, kekerapan pertukaran peraturan, Prosedur Operasi Standard (SOP) yang sering berubah dan tidak seragam, campur tangan orang ketiga dalam membuat keputusan dan ketiadaan sistem penilaian integriti yang cekap.

S3 SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)

OACP perlu dilaksanakan secara komprehensif dengan mengambil contoh negara-negara maju yang bebas rasuah. Sokongan Pengurusan Tertinggi secara berterusan adalah penting bagi membudayakan nilai integriti di dalam pentadbiran sektor awam.

S4 SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)

Sikap selesa dan enggan berubah daripada budaya kerja dan mentaliti lama menyebabkan tadbir urus kurang efisien dan OACP sukar dilaksanakan.

MATRIK SENARIO ANTIRASUAH TAHUN 2030 – PARLIMEN MALAYSIA

PEROLEHAN AWAM



S1 SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)

Pelaksanaan OACP berupaya mengurangkan penyalahgunaan kuasa dan campur tangan ahli politik dalam membuat keputusan. Hukuman berat kepada penjawat awam terlibat rasuah boleh mengurangkan berlaku kebocoran maklumat.

S2 SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)

Proses perolehan awam terganggu kesan daripada kurangnya penghayatan aspirasi OACP, amalan budaya kerja lama yang masih menebal, polisi Kerajaan yang kerap berubah, kekangan kewangan serta tiada mekanisme pemantauan.

S3 SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)

Mengamalkan budaya kerja yang cekap, berkualiti dan tiada toleransi kepada rasuah boleh menjamin perolehan awam yang telus dan menguntungkan Kerajaan.

S4 SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)

Kerajaan baharu perlu menjadikan OACP sebagai rujukan dan melaksanakan polisi antirasuah yang telah sedia ada. Semua kakitangan perlu mengubah budaya kerja kepada lebih berintegriti dan benci rasuah.

BERDASARKAN SENARIO ANTIRASUAH TAHUN 2030 PARLIMEN MALAYSIA YANG DIBANGUNKAN BERIKUT ADALAH GAMBARAN UMUM MATLAMAT DAN KEBIMBANGAN BERSAMA

Parlimen Malaysia terdiri daripada sejumlah bahagian yang berlainan, yang melaksanakan hal ehwal pengurusan dewan, pentadbiran dan kewangan Parlimen Malaysia. Organisasi ini berperanan memberi kerjasama di dalam menerokai matlamat bagi mewakili nilai dan prinsip dalam menangani rasuah dengan mempromosikan ketelusan, sikap bertanggungjawab dan integriti dalam semua aspek pentadbiran di Parlimen Malaysia.

Matlamat bagi Pelan Antirasuah Parlimen Malaysia memberi fokus kepada peningkatan kecekapan, kredibiliti melalui pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan sedia ada dan penerapan nilai-nilai murni yang berterusan.

Matlamat hanya boleh dicapai melalui komitmen yang padu daripada para penjawat awam bagi memastikan tiada sebarang penyalahgunaan kuasa serta tanggungjawab berlaku di Parlimen Malaysia.



MATLAMAT BERSAMA

Matlamat bersama dirujuk daripada Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goal - SDG). Matlamat 16 tersebut mempromosikan masyarakat yang aman dan inklusif untuk pembangunan mampan, memberikan akses kepada keadilan untuk semua, membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat.

Matlamat pelan ini mewakili nilai dan prinsip utama yang memberi cerminan ke atas idea bersama semasa senario dibangunkan. Senario ini merangkumi matlamat dan harapan masa hadapan yang ingin dicapai. Ia memerlukan komitmen jitu dan kolektif daripada warga Parlimen Malaysia.

Komitmen tersebut adalah:

- **Kejayaan dalam pembaharuan tadbir urus khususnya berkaitan proses dan struktur;**
- **Usaha pembenterasan rasuah yang mampan dan berterusan;**
- **Kerjasama yang lebih erat antara bahagian dan agensi serta pelarasan yang lebih teratur;**
- **Pemeriksaan organisasi serta bebas dalam usaha membenteras rasuah;**
- **Pemupukan nilai dan integriti melalui latihan dan kesedaran di pelbagai peringkat; dan**
- **Peranan teknologi dalam meningkatkan ketelusan dan mengekang rasuah.**

Penerapan nilai-nilai murni dan pegangan agama yang kukuh membantu meningkatkan lagi jati diri para penjawat awam supaya menjadi lebih berintegriti dan konsisten dalam melakukan perkara yang betul walaupun tiada siapa yang memerhatikan tindakan tersebut.

Matlamat bersama di dalam pentadbiran sektor awam memerlukan kesepakatan dan keutuhan pegangan prinsip diri yang teguh dalam menangani sebarang masalah, ancaman dan cabaran rasuah. Kekurangan nilai insan di dalam diri para penjawat awam mampu menjurus kepada kebimbangan bersama.

KEBIMBANGAN BERSAMA

Kebimbangan bersama ini mampu memberi impak yang besar secara langsung dan tidak langsung kepada urus tadbir dan usaha membanteras rasuah di Parlimen Malaysia. Kebimbangan bersama ini merangkumi ancaman dan risiko berdasarkan empat senario yang telah dibangunkan. Sekiranya amalan rasuah tidak ditangani, masa hadapan Parlimen Malaysia bakal suram.

Faktor-faktor yang dibimbangi adalah:

- **Rasuah berakar umbi, menjadi kebiasaan dan sebahagian daripada budaya;**
- **Usaha pembaharuan kurang diambil peduli dan tidak dikawal selia;**
- **Usaha dan agenda antirasuah dipandang remeh oleh pihak berkepentingan;**
- **Tadbir urus baik dipersendakan;**
- **Pemantauan dan penguatkuasaan dilihat tidak berkesan kerana tadbir urus yang lemah;**
- **Pembuatan keputusan yang mengelirukan khususnya berkaitan isu dasar utama;**
- **Konflik dalaman atau fahaman politik mempengaruhi nilai insan yang menjurus ke arah pecah amanah dan kebocoran maklumat;**
- **Ancaman terhadap privasi dan hak asasi;**
- **Kawalan tuntutan program atau sebarang urusan e-perolehan masih boleh dimanipulasi;**
- **Campur tangan ahli politik dalam lantikan penjawatan;**
- **Melangkau bidang kuasa jawatan yang disandang; dan**
- **Tiada penelitian terperinci terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan.**

PELUANG YANG ADA

Peluang-peluang yang ada dijadikan sebagai pemangkin pengaliran idea dalam penyelesaian masalah. Ianya mampu memperkukuhkan inisiatif antirasuah telah dikenal pasti melalui empat senario yang dibangunkan. Beberapa peluang yang dikenal pasti adalah:

Penilaian Risiko dan Profil Pada Projek Bahagian meliputi pelbagai mekanisme yang boleh digunakan oleh organisasi untuk menjangka kebarangkalian rasuah berlaku secara dalaman mahupun luaran serta kesannya.

Membangunkan Indeks Penilaian Integriti untuk warga Parlimen Malaysia dalam mentaksir keupayaan organisasi mengawal rasuah serta memastikan semua sumber awam dibelanjakan secara bertanggungjawab dan telus.

Penggunaan Sistem Pengurusan Antirasuah atau Sistem Pengurusan Risiko Rasuah. Pelaksanaan secara efektif sistem antisogokan dan piawai berkaitan akan membantu mengurangkan berlakunya risiko sogokan. Justeru, hal ini akan meyakinkan pemegang taruh bahawa amalan baik berkaitan kawalan antisogokan yang mendapat pengiktirafan nasional telah dilaksanakan.

Reformasi Tadbir Urus. Dasar dan amalan baik dalam Parlimen Malaysia menjadi petunjuk kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban. Maka pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mapan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan rakyat terhadap Parlimen.

Penggunaan Sistem Berasaskan Teknologi Untuk Tujuan Analisis Perolehan dapat mengoptimumkan proses serta capaian strategik. Penggunaan teknologi secara berterusan akan memacu penambahbaikan proses, maklumat dan pemahaman yang akhirnya membawa kepada penjimatan.

Memaksimumkan Penglibatan Warga untuk memastikan inklusiviti melalui penubuhan kumpulan pemerhati antirasuah (melalui perundangan dan imuniti) yang melibatkan pengurusan, warga kerja, pelanggan dan pihak berkepentingan.

Sistem Advokasi memupuk tadbir urus insan yang dibangunkan melalui Pelan Operasi Latihan Kementerian berpaksikan Tadbir Urus Insan (human governance) dan Program Kepimpinan Berterusan.

Amalan Nilai Integriti dan Antirasuah oleh pihak luar adalah sangat penting bagi mewujudkan persekitaran tadbir urus yang mampan dan lestari seterusnya ke arah pencapaian yang diinginkan.

RISIKO YANG TERUNGKAI

MANIPULASI MAKLUMAT

Data dan maklumat sebagai komoditi yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi.

ARUS PERUBAHAN DIGITAL YANG TERLALU PANTAS

Peranan media digital, perubahan perisian dan perkakas digital yang lapuk. Pengurusan kementerian perlu lebih teliti dalam mengendalikan teknologi digital dan ICT. Kegagalan dalam mengendalikannya dengan sempurna boleh mengakibatkan insiden kehilangan data yang akhirnya akan menyebabkan ancaman kepada sistem.

PREJUDIS MEDIA

Media yang prejudis menyebarkan maklumat palsu dan mempengaruhi pendapat awam. Perkara ini terjadi apabila kewartawanan yang bersifat penyiasatan tidak lagi wujud dalam media arus perdana. Penulisan laporan cenderung ke arah memenuhi kehendak pihak berkepentingan.

AMALAN RASUAH DI AWAL PERKHIDMATAN

Amalan rasuah yang terjadi di kalangan warga institusi di peringkat awal perkhidmatan menjadi barah dalam institusi. Pencegahan awal mampu mengawal fenomena ini.

**PERANAN
PERTUBUHAN BUKAN
KERAJAAN (NGO)
LEMAH DALAM
MEMDIDIK
MASYARAKAT**

Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mula dipersoalkan. NGO memainkan peranan untuk memastikan kebertanggungjawaban dalam sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun, peranannya mula dipersoal akibat kelemahan dan kurangnya tadbir urus yang baik. NGO perlu bersedia membangunkan piawaian yang diyakini dan diterima.

**DESAKAN
PENGARUH
LUAR**

Pengaruh pihak luar yang mendesak boleh menjejaskan keputusan ketelusan pertimbangan sesuatu keputusan.

**DURI DALAM
DAGING**

Golongan pegawai yang bermasalah berpotensi menggagalkan usaha antirasuah, walaupun dalam sebuah organisasi yang telah melalui reformasi, sekiranya tindakan tegas tidak diambil untuk mengawalinya.

**KEWUJUDAN
“LITTLE
NAPOLEONS”**

Penggunaan istilah ini telah wujud untuk menggambarkan warga Parlimen yang kurang membantu, bekerja secara silo, sombong dan angkuh. Golongan ini akan menghalang kejayaan pelaksanaan OACP Parlimen.



PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

Dengan membangunkan senario antirasuah pada masa hadapan, kewujudan Duri Dalam Daging dan Little Napoleans dapat dikesan. Justeru, pembuat dasar dapat memberi lebih perhatian untuk menghadapinya. Berlandaskan Isu dan Cabaran yang dikemukakan di dalam Bab 1, berikut adalah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian:

Campur Tangan Ahli Politik dalam Pentadbiran dan Kewangan

Penglibatan tangan-tangan ghaib atau wahyu sering kali menjadi sebutan dalam urusan pentadbiran dan kewangan.

Campur tangan ahli-ahli politik dalam urus tadbir organisasi tidak dapat dinafikan. Namun begitu, keadaan masih lagi terkawal dengan adanya SOP tertentu. Dalam konteks kewangan, campur tangan ahli-ahli politik akan menyebabkan individu atau syarikat yang tidak layak untuk mendapat tender atau projek akan menjerumus ke arah kegagalan atau kelewatan pelaksanaan tender atau projek tersebut.

Dalam konteks pelantikan pegawai, pelantikan yang tidak memenuhi syarat akan menyukarkan urusan seharian disebabkan oleh kurangnya pengalaman dan kompetensi individu yang dilantik dengan campur tangan ahli politik.

Usaha untuk “Merakyatkan Parlimen” dalam mendekati organisasi dengan masyarakat juga membuka peluang kepada individu dan kumpulan dengan motif tertentu untuk mencampuri urusan seharian. Senario ini wajar diberikan perhatian dengan memperkenalkan terma-terma rujukan tertentu untuk dijadikan panduan. Keluhuran dan kedaulatan institusi Parlimen sebagai badan legislatif harus dipertahankan.

Faktor Sumber Manusia dan Kewangan yang Terhad

Dengan memberi perhatian kepada faktor sumber manusia dan kewangan yang mencukupi, inisiatif antirasuah yang dirancang dan dilaksanakan sudah pasti mencapai objektif-objektif dan outcome yang dikehendaki. Sumber-sumber ini adalah penting untuk memastikan kejayaan pelan yang dirancang terutamanya bagi menyokong dari aspek teknologi dan pentadbiran. Tanpa sumber manusia dan kewangan yang mencukupi, pelaksanaan sesebuah inisiatif itu adalah sukar untuk direalisasikan.

Kurang Sokongan dan Komitmen

Sokongan, komitmen serta kemahuan di kalangan kepimpinan tertinggi untuk melaksanakan kawalan antirasuah boleh memberi kesan kepada keberkesanan inisiatif antirasuah yang sedia ada. Dalam masa yang sama, kerjasama kakitangan bawahan juga diperlukan untuk menjayakan inisiatif antirasuah. Pembentukan budaya antirasuah yang menyeluruh dalam organisasi amat diperlukan dan dialu-alukan untuk memastikan inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan.

Hukuman yang Ringan kepada Pesalah Rasuah

Tindakan yang tegas, tanpa prejudis dan kompromi wajar dijadikan asas dalam urusan berkaitan rasuah.

Kurangnya Pemantauan Dan Penguatkuasaan

Dengan memberi fokus kepada faktor sumber manusia dan kewangan, isu pemantauan dan penguatkuasaan dapat diselesaikan, terutama kepada unit atau seksyen yang bertanggungjawab secara terus di dalam aspek integriti dan antirasuah. Pemantauan dan penguatkuasaan adalah penting untuk memastikan semua proses dan prosedur dipatuhi seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun, pelaksanaan aktiviti ini tidak seperti yang diharapkan di mana sering berlaku kekurangan keupayaan untuk memeriksa, mengaudit dan mengkaji semula operasi. Kekurangan sumber tenaga kerja, kemahiran, teknologi, kaedah dan sumber kewangan menjadi faktor kurang keberkesanan usaha pemantauan dan penguatkuasaan.



BAB 3

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH PARLIMEN



KEPERLUAN KEPADA KERANGKA ORGANISASI

Parlimen Malaysia Melangkah Ke Hadapan

Amalan rasuah sepertimana trend rasuah di Malaysia dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu (2013-2018) jelas menunjukkan keperluan yang mendesak untuk menangani gejala ini. Sektor awam yang dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah mendedahkan kepincangan terhadap amalan tadbir urus yang baik dalam menjamin keselamatan dan kemakmuran negara.

Parlimen Malaysia selaras dengan misinya untuk memastikan tadbir urus yang profesional, berintegriti dan dinamik telah menetapkan matlamat untuk melahirkan warga Parlimen yang berintegriti dan bebas salah laku bagi mencapai aspirasi sebagai sebuah institusi perundangan tertinggi dalam negara yang bebas, berwibawa dan bertaraf dunia. Bagi mencapai matlamat ini, Parlimen akan mewujudkan dan menzahirkan usaha pencegahan rasuah yang berdaya tahan untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.

Kerajaan telah menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan NKRA –“Membanteras Rasuah” dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023 yang lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif untuk jangka masa panjang. NACP diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat dan situasi sebenar berhubung isu kebebasan, hak, kesejahteraan dan ketidakstabilan ekonomi negara.

Di peringkat Parlimen Malaysia, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Parlimen Malaysia akan memandu pelaksanaan pencegahan rasuah dengan menerapkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban dalam semua sistem dan prosedur di Parlimen. OACP ini turut berhasrat untuk menghapuskan penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan amalan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus. Pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif ini dipercayai mampu meningkatkan tahap ketelusan dan integriti Parlimen Malaysia sekaligus mengembalikan kepercayaan awam.

Beberapa bidang berisiko yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenal pasti melalui kajian dan analisis terperinci terhadap data dan dapatan daripada pelbagai sumber serta sesi Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi. Hasilnya, OACP menggariskan sebuah kerangka yang menyeluruh dalam menghindari dan menghapuskan amalan rasuah dalam organisasi. Kerangka ini adalah bersifat praktikal melalui pemilikan inisiatif oleh setiap pemegang taruh berdasarkan strategi dan objektif strategik yang telah dikenal pasti dalam OACP Parlimen Malaysia.



KERANGKA PELAN ANTIRASUAH PARLIMEN MALAYSIA

VISI

Parlimen Malaysia Bebas Rasuah

MISI

Memperkukuhkan Kecekapan, Ketelusan dan Akauntabiliti Warga Parlimen Berasaskan Tadbir Urus Baik

MATLAMAT

Meningkatkan Kecekapan dan Kredibiliti Penyampaian Perkhidmatan Parlimen Malaysia Melalui Pematuhan Kepada Undang-Undang dan Peraturan Yang Berkuatkuasa dan Program Penerapan Nilai-Nilai Murni Yang Berterusan .

BIDANG KEUTAMAAN

TADBIR URUS POLITIK

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

PEROLEHAN AWAM

STRATEGI

Memperkukuh Akauntabiliti dan Integriti Politik

Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

PELAN ANTIRASUAH PARLIMEN MALAYSIA 2019 -2023

- 3 Bidang Keutamaan
- 3 Strategi
- 4 Objektif Strategik
- 17 Risiko
- 33 Inisiatif
 - 7 Inisiatif Jangka Pendek (1 tahun)
 - 6 Inisiatif Jangka Sederhana (2-3 tahun)
 - 20 Inisiatif Jangka Panjang (4-5 tahun)

ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 15 inisiatif yang dikenal pasti daripada 33 inisiatif berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 15 inisiatif ini ditentukan berdasarkan Analisa Tahap Impak dan Tahap Kompleksiti pelaksanaannya. 10 inisiatif yang dikenal pasti berada dalam kelompok Kuadran A – impak tinggi dan kompleksiti rendah – memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada transformasi tadbir urus Parlimen. Ringkasan 15 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:

KUADRAN A

Mewakili inisiatif

**BERIMPAK TINGGI,
KOMPLEKSITI
RENDAH**

KUADRAN B

Mewakili inisiatif

**BERIMPAK TINGGI,
KOMPLEKSITI
TINGGI**

KUADRAN C

Mewakili inisiatif

**BERIMPAK RENDAH,
KOMPLEKSITI
RENDAH**

KUADRAN D

Mewakili inisiatif

**BERIMPAK RENDAH,
KOMPLEKSITI
TINGGI**

STRATEGI 1 : Memperkukuh Akauntabiliti dan Integriti Politik

STRATEGI 2 : Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

STRATEGI 3 : Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

ANALISIS KUADRAN

KOMPLEKSITI : Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

IMPAK : Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif



KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 15 INISIATIF

Ringkasan berikut menunjukkan **15** inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada **33** keseluruhan yang telah dikenal pasti. Ia berdasarkan empat (4) strategi berkaitan integriti, ketelusan dan bertanggungjawab sektor politik, pentadbiran awam, perolehan awam dan tadbir urus entiti korporat di Parlimen Malaysia. **15** inisiatif ini dikenal pasti berdasarkan keperluan kesegeraan untuk menangani rasuah.

NO.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1.	1.3.1.1 Membuat hebahan kepada semua pegawai dan kakitangan Parlimen mengenai larangan menerima atau mendapatkan sokongan politik seperti bagi penjawat awam mengikut pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa.	A	1
2.	1.3.1.2 Menganjurkan Program Integriti dan Kempen Kesedaran secara berterusan melalui ceramah, taklimat, emel edaran, poster, bunting dan sebagainya.	A	1
3.	1.4.1.1 Menubuhkan Suruhanjaya Parlimen Malaysia bagi memastikan pengasingan kuasa di antara kuasa eksekutif dan legislatif.	B	1
4.	1.4.2.1 Menguatkuasakan Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat/ Negara dan Akta Parlimen 1992 Parlimen untuk menghukum perbuatan menghina Parlimen dengan mengkehendaki menteri, penjawat awam dan orang awam untuk menghukum perbuatan menghina Parlimen dengan mengkehendaki menteri, penjawat awam dan orang awam untuk hadir ke hadapan jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan dan memberi maklumat.	B	1
5.	1.4.4.1 Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen berhubung perbelanjaan untuk meneliti dasar kewangan Kerajaan mengenai sumber pendapatan dan perbelanjaan.	A	1
6.	1.4.5.1 Memperkasa bidang kuasa Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dengan kuasa untuk membuat pemeriksaan ke atas semua institusi dan entiti yang menerima sumber kewangan dari Kerajaan.	B	1

KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN 15 INISIATIF

NO.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
7.	2.1.1.1 Menguatkuasa kekerapan pusingan kerja secara mandatori kepada penjawat awam yang memegang jawatan sensitif selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004.	A	2
8.	2.1.2.1 Mewujudkan kaedah untuk menggalakkan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam melalui: a) Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN); dan b) Modul Pemantapan Nilai Perkhidmatan Awam.	A	2
9.	2.1.2.2 Memperkukuhkan fungsi Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam atau AKRAB sebagai rakan pembimbing kepada pejawat awam yang bermasalah dengan menggunakan pendekatan psikologi dan kaunseling.	A	2
10.	2.1.2.3 Meningkatkan pemantauan waktu bertugas menerusi pelaporan kehadiran secara bulanan dalam Mesyuarat Pengurusan Parlimen Malaysia.	A	2
11.	2.1.4.1 Memperkukuhkan Garis Panduan Dalam Pemilihan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi rujukan Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM).	A	2
12.	3.1.1.1 Mewajibkan Ujian Tapisan Integriti atau Ujian Psikometrik kepada semua pegawai yang melaksanakan perolehan.	A	3
13.	3.1.2.1 Memperkenalkan Whistleblowing Policy di institusi melalui Borang Aduan Salah Laku bagi aduan yang berkaitan dengan urusan perolehan.	A	3
14.	3.1.2.2 Mewajibkan semua pegawai yang terlibat dengan perolehan institusi menandatangani Integrity Pact dan Ikrar Bebas Rasuah.	A	3
15.	3.1.3.1 Mewajibkan penggunaan Sistem e-Perolehan sepenuhnya dalam semua urusan perolehan institusi.	A	3

BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS POLITIK

STRATEGI 1	MEMPERKUKUH AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI POLITIK
OBJEKTIF STRATEGIK 1.3	Menangani Campur Tangan Ahli Politik dalam Perkhidmatan Awam
OBJEKTIF STRATEGIK 1.4	Memperkasa Autoriti dan Tadbir Urus Parlimen

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3: Menangani Campur Tangan Ahli Politik dalam Perkhidmatan Awam

RISIKO KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH	INISIATIF	BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
1. Menggunakan pengaruh/ kuasa politik Yang di-Pertua/ Ahli Parlimen atau individu berpengaruh untuk mendapatkan sokongan atau imbuhan ke atas sesuatu kepentingan.	1.3.1.1 Membuat hebahan kepada Ahli Parlimen dan warga Parlimen mengenai larangan menerima atau mendapatkan sokongan politik bagi penjawat awam mengikut pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024 (2 kali setahun)
	1.3.1.2 Menganjurkan Program Integriti dan Kempen Kesedaran secara berterusan melalui ceramah, taklimat, emel edaran, poster, bunting dan sebagainya.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024 (1 kali setahun)
	1.3.1.3 Menguatkuasakan dasar menyekat campur tangan politik atau individu berpengaruh yang diperkenalkan oleh Kerajaan di institusi.	Bahagian Pengurusan	1 tahun 2020

BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS POLITIK

OBJEKTIF STRATEGIK 1.4: Memperkasa Autoriti dan Tadbir Urus Parlimen

<p>1. Tiada pengasingan kuasa di antara kuasa eksekutif dan legislatif.</p>	<p>1.4.1.1 Menubuhkan Suruhanjaya Parlimen Malaysia bagi memastikan pengasingan kuasa di antara kuasa eksekutif dan legislatif.</p>	<p>PUU/ JK Kerja Suruhanjaya Parlimen Malaysia</p>	<p>3 tahun 2020 - 2022</p>
<p>2. Sering terdapat hinaan kepada Institusi Parlimen</p>	<p>1.4.2.1 Menguatkuasakan Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat/ Negara dan Akta Parlimen 1992 Parlimen untuk menghukum perbuatan menghina Parlimen dengan mengkehendaki menteri, penjawat awam dan orang awam untuk menghukum perbuatan menghina Parlimen dengan mengkehendaki menteri, penjawat awam dan orang awam untuk hadir ke hadapan jawatankuasa -jawatankuasa berkaitan dan memberi maklumat.</p>	<p>Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat/ Bahagian Pengurusan Dewan Negara</p>	<p>1 tahun 2020</p>
<p>3. Pelanggaran Peraturan Mesyuarat oleh Ahli-Ahli Parlimen</p>	<p>1.4.3.1 Menguatkuasakan Peraturan Mesyuarat 80 (3) dan 80A Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi memastikan Ahli-Ahli Parlimen mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ketidakpatuhan terhadap Peraturan Mesyuarat ini akan menyebabkan seseorang Ahli Dewan Rakyat dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.</p> <p>1.4.3.2 Memberikan latihan/kursus yang bersesuaian untuk memberi pendedahan dan melatih Ahli Parlimen terutama bagi perkara-perkara berkaitan urusan perjalanan Dewan.</p>	<p>Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat</p> <p>Bahagian Pengurusan</p>	<p>1 tahun 2020</p> <p>2 tahun 2020 – 2021</p>
<p>4. Tiada penelitian terperinci dari Parlimen terhadap perancangan dan dasar kewangan Kerajaan</p>	<p>1.4.4.1 Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen berhubung perbelanjaan untuk meneliti dasar kewangan Kerajaan mengenai sumber pendapatan dan perbelanjaan.</p>	<p>Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat</p>	<p>5 tahun 2020 – 2024</p>

BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS POLITIK

<p>5. Pemeriksaan menyeluruh ke atas semua institusi dan entiti yang menerima sumber kewangan dari Kerajaan tidak dilakukan</p>	<p>1.4.5.1 Memperkasakan bidang kuasa Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dengan kuasa untuk membuat pemeriksaan ke atas semua institusi dan entiti yang menerima sumber kewangan dari Kerajaan.</p>	<p>Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat</p>	<p>5 tahun 2020 – 2024</p>
<p>6. Ketidakadilan dalam semua urusan persidangan Dewan</p>	<p>1.4.6.1 Mengkehendaki Yang di-Pertua Dewan meletak jawatan daripada mana-mana jawatan yang dipegang dalam parti politik apabila dipilih sebagai Yang di-Pertua.</p>	<p>Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat/ Bahagian Pengurusan Dewan Negara</p>	<p>2 tahun 2020-2021</p>
	<p>1.4.6.2 Melantik salah seorang daripada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat daripada kalangan ahli Parti Pembangkang.</p>	<p>Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat</p>	<p>2 tahun 2020-2021</p>
	<p>1.4.6.3 Jawatankuasa Dewan (Dewan Rakyat) perlu membuat pindaan kepada Perkara 3 dan Perkara 6(1) di dalam Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.</p>	<p>Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat</p>	<p>2 tahun 2020-2021</p>
<p>7. Kelewatan Ahli Parlimen mengemukakan dokumen tuntutan melangkaui tahun semasa dan pembatalan waran perjalanan udara di saat akhir tanpa sebab munasabah.</p>	<p>1.4.7.1 Memberi kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk membuat penetapan peraturan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Bersama Dewan Rakyat/ Negara yang mana selari dengan Prosedur Kewangan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.</p>	<p>Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen</p>	<p>1 tahun 2020</p>
	<p>1.4.7.2 Membangunkan garis panduan ringkas tatacara tuntutan bagi rujukan Ahli Parlimen.</p>	<p>Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen</p>	<p>2 tahun 2020-2021</p>
	<p>1.4.7.3 Melaksanakan Taklimat Tatacara Tuntutan Kewangan kepada Ahli Parlimen.</p>	<p>Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen</p>	<p>4 tahun 2020-2023 (1 kali setahun)</p>

BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

STRATEGI 2	MEMPERKUKUH KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1	Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1: Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik

RISIKO KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH	INISIATIF	BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
1. Ketirisan maklumat dan dokumen sulit Kerajaan	2.1.1.1 Menguat kuasa kekerapan pusingan kerja secara mandatori kepada penjawat awam yang memegang jawatan sensitif selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 –2024
	2.1.1.2 Menguatkuasakan Larangan Penggunaan Telefon Bimbit atau Lain-lain Peralatan Komunikasi dalam Mesyuarat Kerajaan melalui surat edaran KPKK(R)600-1/1JLD.2(3) bertarikh 31 Januari 2019 termasuk Garis Panduan Penggunaan “ <i>Smartphone</i> ” dan media sosial dalam semua urusan mesyuarat/ persidangan melalui penafian (disclaimer) dan poster di dalam Portal Rasmi Parlimen.	Bahagian Pengurusan	1 tahun 2020
	2.1.1.3 Menganjurkan Taklimat Kesedaran mengenai Dasar Keselamatan dan Kerahsiaan Dokumen Rasmi Kerajaan.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024 (1 kali setahun)

BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

<p>2. Masalah disiplin di kalangan penjawat awam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keberhutangan yang serius • Membuat tuntutan palsu dan tidak munasabah • Tidak hadir bertugas • Hadir lewat • Pemalsuan sijil cuti sakit keluar pejabat tanpa kebenaran • Menyalahguna masa bekerja dan peralatan pejabat untuk kepentingan peribadi 	<p>2.1.2.1 Mewujudkan kaedah untuk menggalakkan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam melalui:</p> <p>a) Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN); dan</p> <p>b) Modul Pemantapan Nilai Perkhidmatan Awam.</p>	<p>Bahagian Pengurusan</p>	<p>5 tahun 2020 – 2024</p>
	<p>2.1.2.2 Memperkukuhkan fungsi AKRAB sebagai rakan pembimbing kepada pejawat awam yang bermasalah dengan menggunakan pendekatan psikologi dan kaunseling.</p>	<p>Bahagian Pengurusan</p>	<p>5 tahun 2020 – 2024</p>
	<p>2.1.2.3 Meningkatkan pemantauan waktu bertugas menerusi pelaporan kehadiran secara bulanan di dalam Mesyuarat Pengurusan Parlimen Malaysia.</p>	<p>Bahagian Pengurusan</p>	<p>5 tahun 2020 – 2024</p>
	<p>2.1.2.4 Melaksanakan tindakan punitif yang tegas dan berat kepada penjawat awam yang melanggar peraturan melalui peraturan dan prosedur tatatertib yang berkuat kuasa.</p>	<p>Bahagian Pengurusan</p>	<p>5 tahun 2020 – 2024</p>
	<p>2.1.2.5 Melaksanakan Kursus Tatacara Pengurusan dan Pengendalian tindakan disiplin dan tatatertib.</p>	<p>Bahagian Pengurusan</p>	<p>5 tahun 2020 – 2024</p>
	<p>2.1.2.6 Melaksanakan Ceramah Kerohanian dan Motivasi di institusi bagi meningkatkan integriti dan menerapkan nilai-nilai murni di kalangan penjawat awam.</p>	<p>Bahagian Pengurusan</p>	<p>5 tahun 2020 – 2024 (1 kali setahun)</p>

BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

3. Menerima hadiah/ sumbangan daripada pihak yang berkepentingan	2.1.3.1 Membuat hebahan mengenai surat edaran dari SPRM bertarikh 14 November 2014 mengenai <i>No Gift Policy</i> di dalam Sektor Awam dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024
	2.1.3.2 Mempamerkan peringatan <i>No Gift Policy</i> di kaunter dan tempat yang bersesuaian meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan.	Bahagian Pengurusan	1 tahun 2020
4. Pihak pengurusan mengamalkan budaya 'pilih kasih' dalam urusan kenaikan pangkat, pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan LNPT bagi memberi kelebihan dan ganjaran kepada sesetengah pegawai / kakitangan	2.1.4.1 Memperkukuhkan Garis Panduan Dalam Pemilihan APC bagi rujukan Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM).	Bahagian Pengurusan	1 tahun 2020

BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

STRATEGI 3	MEMPERTINGKAT KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1	Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1: Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam

RISIKO KELEMAHAN: GOVERNAN, INTEGRITI & ANTI RASUAH	INISIATIF	BAHAGIAN PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
1. Ketirisan Maklumat Perolehan Awam Dengan Niat Untuk Melantik Kontraktor Yang Berkepentingan Dengan Tujuan Mendapatkan Habuan.	3.1.1.1 Mewajibkan Ujian Tapisan Integriti atau Ujian Psikometrik kepada semua pegawai yang melaksanakan perolehan.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 –2024
	3.1.1.2 Menganjurkan Program Integriti dan Kempen Kesedaran secara berterusan melalui ceramah, taklimat, emel edaran, poster, bunting dan sebagainya.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024 (1 kali setahun)
	3.1.1.3 Menganjurkan Taklimat Kesedaran mengenai Dasar Keselamatan dan Kerahsiaan Dokumen Rasmi Kerajaan.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024 (1 kali setahun)
	3.1.1.4 Melaksanakan tindakan punitif yang tegas dan berat kepada penjawat awam yang membocorkan maklumat rahsia Kerajaan.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 –2024

2. Penyalahgunaan Kuasa Dengan Mempengaruhi/ Meluluskan Perolehan Awam Untuk Kepentingan Peribadi.	3.1.2.1 Memperkenalkan <i>Whistleblowing Policy</i> di institusi melalui Borang Aduan Salah Laku bagi aduan yang berkaitan dengan urusan perolehan.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024
	3.1.2.2 Mewajibkan semua pegawai yang terlibat dengan perolehan institusi menandatangani <i>Integrity Pact</i> dan Ikrar Bebas Rasuah.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024
3. Pelaksanaan Perolehan Awam Yang Tidak Diperlukan dan Tidak Menguntungkan Kerajaan	3.1.3.1 Mewajibkan setiap Bahagian mengemukakan Jadual Perancangan Perolehan Institusi secara tahunan.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024
	3.1.3.2 Mewajibkan semua pegawai yang terlibat dengan perolehan menghadiri Kursus Perolehan dan Pengurusan Kewangan sekurang-kurangnya sekali setahun.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024 (1 kali setahun)
4. Monopoli oleh kontraktor/ pembekal yang sama dalam urusan perbekalan dan perkhidmatan untuk penyelewengan kuasa	3.1.4.1 Mewajibkan penggunaan Sistem e-Perolehan sepenuhnya dalam semua urusan perolehan institusi.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024
5. Kontraktor/ pembekal tidak dikenakan tindakan/ penalti yang setimpal mengikut klausa kontrak.	3.1.5.1 Memastikan tindakan penalti diambil ke atas kontraktor/ pembekal yang melanggar kontrak mengikut perjanjian sedia ada.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024
	3.1.5.2 Menyenaraihitamkan kontraktor/ pembekal yang melanggar perjanjian kontrak.	Bahagian Pengurusan	5 tahun 2020 – 2024



BAB 4

TADBIR URUS

MEKANISME PELAKSANAAN

Untuk memastikan inisiatif antirasuah negara dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Parlimen Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja OACP berdasarkan “Arahan YAB Perdana Menteri. No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 2019– Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia”.

Struktur Pentadbiran Parlimen Malaysia mengandungi tiga peringkat iaitu:

1. Peringkat Menteri
2. Peringkat Pengurusan Tertinggi
3. Peringkat Parlimen Malaysia

Struktur Tadbir Urus Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Parlimen:

<p>Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) sebagai sekretariat nasional</p>	<p>Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima laporan pemantauan dan penilaian tahunan NACP daripada GIACC • Mengesahkan dasar • Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan nasional • Mengenal pasti penyelesaian terbaik
<p>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai sekretariat.</p>	<p>Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengesyorkan dasar • Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi dan agensi • Mengenal pasti penyelesaian terbaik
<p>Bahagian Pengurusan sebagai urus setia Institusi</p>	<p>Jawatankuasa Antirasuah (JAR) peringkat Parlimen Malaysia</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memaklumkan keputusan atau dasar yang berkaitan antirasuah dalam Mesyuarat Antirasuah (JAR) Parlimen Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia • Mengesyorkan dasar yang berkaitan. • Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan Jabatan. • Mengenalpasti penyelesaian terbaik.

KERANGKA PERLAKSANAAN OACP

Pelaksanaan OACP di Parlimen merangkumi tiga peringkat yang terdiri daripada peringkat Kebangsaan, Kementerian dan Jabatan. Peringkat-peringkat ini dihubungkan oleh saling kaitan dan memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan, pelaporan dan semakan Pelan ini. Hubungan ini juga membantu memastikan persefahaman bersama, pembentukan dasar yang mampan, komitmen terhadap perkongsian sumber dan pelaksanaan yang teratur.

Secara keseluruhannya, kerangka pelaksanaan OACP ini akan mempermudah pelaksanaan strategi dan inisiatif antirasuah di Parlimen. Ringkasan pelaksanaan kerangka OACP ini adalah seperti berikut:

PERINGKAT KEBANGSAAN	PERINGKAT KEMENTERIAN	PERINGKAT PARLIMEN MALAYSIA
UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN		
KERJASAMA ANTARA KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI	JABATAN PERDANA MENTERI	WARGA PARLIMEN
	INDUSTRI / PEMEGANG TARUH	PEMEGANG TARUH
INISIATIF NACP	NGO / PELANGGAN	PELANGGAN

MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

PENYELARASAN

PEMANTAUAN

- Menjelaskan objektif program
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif
- Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran
- Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap)
- Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang pemasalahan

PENILAIAN

- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang dicapai
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang
- Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan



MEKANISME PENILAIAN

**JAWATANKUASA
ANTIRASUAH
(JAR) JPM**

Menasihati dan
memberi arahan
untuk memastikan
kemampuan OACP

Laporan dikemukakan oleh
Urusetia kepada JAR JPM



**MESYUARAT
JAWATANKUASA
OACP**

- Mesyuarat Dwi Tahunan
- Penilaian kuantitatif dan kualitatif semua inisiatif
- Meneliti matlamat OACP dengan menilai strategi dan inisiatif
- Memantau proses pelaksanaan OACP

**URUS SETIA:
BAHAGIAN
PENGURUSAN**

Menyediakan
nota dan analisis

**BAHAGIAN
DI PARLIMEN
MALAYSIA**

Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Urus Setia



BAB 5

KESIMPULAN



Parlimen Malaysia sebagai sebuah institusi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) memartabatkan komitmen unggul dalam menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Parlimen Malaysia. Parlimen dengan 3 strategi dan 33 inisiatif telah diuruskan dan digubal lengkap untuk dilaksanakan dalam menangani rasuah dan sebagai panduan kepada pihak pengurusan Parlimen.

Parlimen Malaysia dalam menangani rasuah akan terus menerajui semua inisiatif dan mekanisme yang telah dikenal pasti secara berkala. Setiap maklum balas, nasihat dan panduan dari pelbagai sumber dan pihak akan diterima dan dirujuk dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah.

Parlimen Malaysia akan menentukan hala tuju dalam isu rasuah dan memastikan sistem governans dan integriti bertambah baik demi kelestarian Pelan OACP Parlimen pada masa hadapan. Tempoh 2020 - 2024 adalah penentu kepada wajah Parlimen Malaysia yang berstatus bebas rasuah dan dihormati.

PARLIMEN MALAYSIA KEBANGGAANKU

PARLIMEN MALAYSIA BEBAS RASUAH

OACP adalah merupakan dokumen dasar antirasuah yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat. Ia merupakan komitmen oleh warga Parlimen Malaysia dalam memerangi rasuah. Adalah diharapkan inisiatif-inisiatif yang digariskan dapat dilaksanakan dengan komited bagi mencapai visi “Parlimen Malaysia Bebas Rasuah”.

PENGHARGAAN

YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim
Yang di-Pertua Dewan Negara

YB Senator Dato' Seri Haji Mohamad
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara

YB Tan Sri Azhar Azizan Harun
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

YB Dato' Sri Azalina binti Othman Said
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

YB Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

YBhg. Datuk Nor Yahati Awang
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

Pusat Governans Integriti dan Antirasuah Nasional

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Tenaga Pakar Institut Integriti Malaysia (IIM)
Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun
Encik Harisham bin Ibrahim
Encik Zubayry bin Abady


Ahli-Ahli Mesyuarat Pengurusan Parlimen Malaysia

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP PARLIMEN MALAYSIA

YBhg. Datuk Kamis bin Samin
YBrs. Tuan Riduan bin Rahmat
Tuan Ir. Johari bin Ahmad
Encik Muhd Sujairi bin Abdullah
Cik Munirah binti Muhamed Padzil
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan
Cik Farah Nurdiana binti Azhar
Puan Rohana binti Mohd Ali
Puan Sharifah Rahamah binti Syed Muhammad
Encik Azahar bin Yahya
Encik Mohd Radzi bin Jamalluddin
YM Tengku Nasarudin bin Tengku Mohamed
Encik Shaharзад bin Yusof
Encik Paramjothy A/L Muthuvelu
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi
Encik Mohd Fauzie bin Abd Rahim
Tuan Ir. Mohammad Nazri bin Sulaiman
Tuan Ir. Iskandar Haszuan bin Ismail
Encik Wan Anwar bin Wan Ibrahim
Encik Azhari bin Hamzah
Encik Muthanna bin Saari
Puan Sayani binti Umar
Encik Augustine Leonard Anak Jen
Cik Badrah binti Yusoff
Puan Khairil Liza binti Mohd Salleh
Puan Siti Fahlizah binti Padlee

Puan Siti Mastura binti Oyop
Puan Nurrul Saffida binti Kusaini
Encik Asri bin Adnan
Puan Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli
Puan Haullah binti Zubir
Cik Aiza binti Ali Raman
Puan Nadiya Haneem binti Zaminudin
Puan Emilda binti Md Yusop
Puan Kamalia Aini binti Kamis
Puan Noor Izzatulekmal binti Rosly
Encik Nor Affandi bin Mohamed Rashid
Encik Iskandar bin Idris
Cik Hasmahani binti Hassan
Puan Saimunira binti Mohd Sidek
Puan Zadurah binti Md. Zain
Puan Noorakmar binti Zakariya
Encik Rosli bin Mat Jinun
Lt. Kol. (B) Ahmad Marzukee bin Abdul Manaf
Lt. Kol. (B) Motazah bin Mohayat
Nani Khaizura Binti Ab Rahman
Ahmad Firdaus Bin Arben
Encik Faisal Eddly bin Azhar
Puan Nur Liyana binti Ali
Encik Muhamad Khalis Syafiq bin Mohamad Nasir
Encik Mohd Khairul Adnan bin Khalip

Terima kasih diucapkan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan Buku OACP Parlimen Malaysia 2020 – 2024.



PARLIMEN MALAYSIA